

21 SEP 1999

Mahathir-Rumah

PEMBINAAN RUMAH PANGSA LANGKAH TERBAIK PENGGUNAAN TANAH

KANGAR, 21 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembinaan rumah pangsa adalah antara langkah terbaik dalam penggunaan tanah untuk kediaman di negara ini.

Bagi mengelakkan pembaziran tanah, kerajaan tidak menggalakkan pembinaan rumah-rumah tunggal, kata Perdana Menteri.

Ketika berucap melancarkan pembinaan rumah pangsa awam negeri Perlis di sini hari ini, Dr Mahathir berkata kerajaan sentiasa memberi tumpuan untuk menyediakan perumahan kos rendah untuk rakyat.

Meskipun kos membina rumah kos rendah lebih tinggi daripada harga jualan, ia akan tetap dilaksanakan.

Menurutnya, kerajaan menyedari masalah itu tetapi keuntungan para pemaju hasil pembinaan rumah kos tinggi boleh digunakan untuk membina rumah kos rendah sebagaimana yang disyaratkan dalam setiap projek perumahan.

Menurutnya, kerajaan tidak dapat menetapkan harga rumah kos rendah pada harga RM25,000 seunit kerana kos tanah yang berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain.

Bagi mendapatkan harga tanah yang rendah, kerajaan terpaksa membina rumah kos rendah di kawasan luar bandar.

Perdana Menteri juga berharap, rakyat Perlis akan menikmati suasana kehidupan baru di rumah pangsa awam yang merupakan satu lagi kemudahan untuk rakyat di negeri ini.

Rumah pangsa awam Perlis setinggi antara lima dan 17 tingkat akan dibina di tiga lokasi di Kangar, Arau dan Bintong membabitkan 2,164 unit rumah.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, kerajaan negeri berhasrat menyediakan 6,806 unit rumah kos rendah menjelang tahun 2001.

Katanya, sejak 1996 sebanyak 13 projek perumahan kos rendah telah dilaksanakan oleh sektor swasta tetapi kosnya agak tinggi kerana tapaknya terletak di kawasan sawah.

Kerja menambun sawah untuk dijadikan tapak projek perumahan memerlukan kos yang besar, katanya.

-- BERNAMA

AD NMO